

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN SERUANDI BIN SAAD

SOALAN

Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa bantuan yang telah disalurkan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan ibu tunggal di Perlis bagi meneruskan kehidupan setelah hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan pada 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius isu berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) bekerja yang terjejas bagi meneruskan kehidupan setelah hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan pada 2021.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah dengan menyediakan Bantuan Kewangan Khas OKU di bawah **Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)**. Berdasarkan statistik negeri Perlis sehingga Oktober 2021, seramai **31 OKU** bekerja yang didapati terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19 telah menerima bantuan kewangan sebanyak **RM500.00 sebulan** untuk tempoh tiga bulan bermula **September hingga November 2021**.

Selain itu, bantuan Elaun Pekerja OKU (EPOKU) secara bulanan turut dilanjutkan kepada seramai **2,115 penerima** dengan peruntukan **RM9.2 juta bagi negeri Perlis** tanpa mengira status pekerjaan mereka sama ada masih bekerja ataupun telah kehilangan pekerjaan.

Bagi membantu golongan ibu tunggal Kementerian telah menyediakan program pembangunan kapasiti serta penyediaan ruang dan peluang supaya wanita-wanita ini dapat menjana pendapatan bagi memperbaiki taraf hidup mereka. Antara program penjanaan pendapatan untuk membantu ekonomi wanita seperti berikut:

1. **Program Wanita Bangkit (Program yang menyediakan peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan)**
Sasaran : 2,000 orang
Pencapaian : **1,744 peserta** wanita telah mendapat pekerjaan (*sehingga 8 November 2021*)

2. Program Bantuan MyKasih Kapital:

Pencapaian : **2,000 peserta** (*sehingga 8 November 2021*)
(menerima insentif RM500 seorang dan melibatkan peruntukan sebanyak **RM1,000,000.00**).

3. Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita)

a. Program Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita:

- Jumlah program telah dilaksanakan : 13 program
- Jumlah majikan yang terlibat : 189 majikan
- Jumlah pekerjaan yang ditawarkan : 16,751 tawaran
- Jumlah peserta berjaya mendapatkan di negeri Perlis: **77 wanita** (*sehingga 8 November 2021*)

b. Jumlah wanita yang berjaya kembali bekerja di bawah Program bersama PERKESO : **183,463 orang wanita** (*sehingga 8 November 2021*)

4. Industri Penjagaan Postnatal (Ibu Selepas Bersalin)

- a. **Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare** ialah Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Tradisional Melayu yang dipermodenkan.
- b. Jumlah Pengamal Mamacare di negeri Perlis yang telah dilatih : **100 orang** (*sehingga 8 November 2021*)

5. Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA

Pada tahun 2020, seramai **180 orang peserta** telah mengikuti kursus secara PERCUMA tersebut dan program ini turut diadakan pada tahun 2021.

6. Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)

JPW telah melaksanakan program penjanaan pendapatan wanita melalui keusahawanan menerusi program kolaborasi strategik KPWKM dan MEDAC seperti ketetapan berikut:

- a. TEKUN : Program Bantuan Pembiayaan Berkelompok TemanNita - **793 peserta** telah menerima pembiayaan
- b. Perbadanan Nasional (PNS): Sebuah program keusahawanan berkonsepkan Francais - **214 peserta** mengikuti Program SWEET
- c. INSKEN: Program INSKEN Bumiputera *Business Coaching* (IBBC) - **3,418 permohonan** telah diterima

7. *2 Years Exit Programme (YEP)*

- a. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Pelan Transformasi JKM telah memberi fokus dan penekanan kepada usaha ke arah pendayaupayaan klien khususnya penerima bantuan melalui pelaksanaan *productive welfare* dan program “*2 Years Exit Programme*” dibangunkan.
- b. Jumlah peserta program 2 YEP : **214 orang yang meliputi 5 orang wanita dan 2 orang wanita OKU di negeri Perlis (sehingga 8 November 2021)**

8. *Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT)*

Jumlah penerima : 150,000 orang ibu tunggal (**3175 ibu tunggal di negeri Perlis**)

Jumlah bantuan : RM300.00 (seorang-bantuan secara *one-off*)

9. *Flexible Working Arrangement*

Kementerian ini juga turut menyokong penuh pelaksanaan ***Flexible Working Arrangement*** dan penyediaan taska di tempat kerja untuk menggalakkan wanita bekerja dan pada masa yang sama mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

SOALAN

Puan Fadhlina Binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes perkahwinan bawah umur mengikut negeri bagi tahun 2019 hingga kini, punca dan langkah pencegahan serta intervensi Kerajaan bagi menyelesaikan permasalahan perkahwinan bawah umur ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengenal pasti enam (6) punca utama berlakunya perkahwinan bawah umur iaitu:

- i. Pendapatan rendah dan kemiskinan;
- ii. Kekurangan pengetahuan serta akses kepada Pendidikan Kesihatan Reproduktif (SRH) atau kemahiran keibubapaan;
- iii. Kekurangan akses kepada pendidikan atau kehadiran ke sekolah yang rendah;
- iv. Stigma dan norma sosial terhadap perkahwinan yang dijadikan sebagai pilihan terbaik untuk menyelesaikan masalah;
- v. Kelonggaran undang-undang yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun; dan
- vi. Kekurangan penyelarasan data perkahwinan dan penceraian bawah umur.

Sehubungan itu, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Program dan tindakan yang telah dirancang di bawah Pelan ini mencerminkan isu-isu yang merentas pelbagai sektor sama ada perundangan, keibubapaan, sistem sokongan sosial, pendidikan, kesihatan dan kesedaran. Pelan ini dilaksanakan dalam tempoh enam (6) tahun iaitu dari tahun 2020 sehingga 2025.

Dalam masa yang sama, Jawatankuasa Pemandu juga telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan Pelan dan menjadi platform untuk agensi pelaksana yang terlibat melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan.

Sehingga kini, daripada keseluruhan 58 program yang telah dirancang, sebanyak 41 program telah bermula dan 17 lagi program sedang dalam perancangan. Antara program yang telah dilaksanakan adalah menyediakan sokongan kepada kanak-kanak yang berisiko cicir daripada pendidikan dan

meluaskan pendidikan Kesihatan Seksual Reprouktif (SRH) kepada pelajar melalui program-program di sekolah.

Justeru, kerjasama dan komitmen dari semua pihak amat diperlukan bagi menangani isu perkahwinan bawah umur daripada terus berlaku. Sebarang cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan pelan ini juga amat dialu-alukan dan dihargai demi menjamin masa depan kanak-kanak di Malaysia terus cerah.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik perkahwinan bawah umur pada tahun 2019, sebanyak 1,466 kes telah direkodkan dengan lima (5) negeri mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu Sabah sebanyak 255 kes, diikuti oleh Pahang 224 kes, Perak 185 kes, Johor 176 kes dan Kedah 140 kes. Manakala, statistik perkahwinan bawah umur pada tahun 2020 pula mencatatkan jumlah sebanyak 1,123 kes dengan lima (5) negeri yang mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu Sabah sebanyak 193 kes, diikuti oleh Pahang sebanyak 165 kes, Perak 151 kes, Johor 141 kes dan Terengganu 128 kes.

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan untuk menyediakan statistik perkahwinan dan perceraian Orang Islam dan Orang Bukan Islam di bawah 18 tahun merupakan di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang akan diselaraskan dan diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Tindakan ini juga merupakan salah satu daripada strategi di bawah Pelan yang bertujuan untuk memastikan supaya data mengenai perkahwinan dan perceraian di negara ini adalah komprehensif dan menepati keperluan semasa.

**PERINCIAN STATISTIK PERKAHWINAN BAWAH UMUR PADA TAHUN
2019 MENGIKUT NEGERI**

NEGERI	JANTINA		JUMLAH
	L	P	
Sabah	35	220	255
Pahang	24	200	224
Perak	28	157	185
Johor	16	160	176
Kedah	11	129	140
Terengganu	16	106	122
Selangor	7	70	77
N. Sembilan	7	59	66
Sarawak	1	52	53
Melaka	9	42	51
Pulau Pinang	2	37	39
Perlis	3	28	31
W.P. KL	4	24	28
Kelantan	2	7	9
W.P Labuan	1	7	8
W.P. Putrajaya	1	1	2
JUMLAH KESELURUHAN	167	1,299	1,466

**PERINCIAN STATISTIK PERKAHWINAN BAWAH UMUR PADA TAHUN
2020 MENGIKUT NEGERI**

NEGERI	JANTINA		JUMLAH
	L	P	
Sabah	21	172	193
Pahang	16	148	164
Perak	13	138	151
Johor	10	131	141
Kedah	13	102	115
Terengganu	12	116	128
N. Sembilan	5	43	48
P. Pinang	4	37	41
W.P. KL	4	32	36
Perlis	4	29	33
Selangor	3	26	29
Sarawak	0	19	19
Melaka	1	16	17
W.P. Labuan	0	7	7
Kelantan	0	1	1
W.P. Putrajaya	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	106	1,017	1,123

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING

SOALAN

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes penceraian mengikut negeri yang berlaku dari Mac 2020 sehingga Oktober 2021, dan apakah cadangan penyelesaian bagi mengurangkan penceraian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kes permohonan cerai yang difaikkan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia sejak Mac 2020 sehingga Oktober 2021 adalah sebanyak 75,504 kes keseluruhannya (dijana melalui sistem E-Syariah). Perincian mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	TAHUN PERMOHONAN CERAI		JUMLAH
	Mac – Dis 2020	Jan – Okt 2021	
Johor	4,815	3,905	8,720
Kedah	3,949	2,637	6,586
Kelantan	3,626	3,142	6,768
Melaka	1,586	1,198	2,784
Negeri Sembilan	2,116	1,927	4,043
Pahang	3,165	2,578	5,743
Pulau Pinang	3,409	3,366	6,775
Perak	684	597	1,281
Perlis	1,854	1,450	3,304
Selangor	2,265	2,089	4,354
Terengganu	559	2	561
Sabah	8,183	6,222	14,405
Sarawak	3,332	2,474	5,806
WP Kuala Lumpur	2,329	2,045	4,374
JUMLAH	41,872	33,632	75,504

Bagi kes penceraian dalam kalangan pasangan bukan Islam, bilangan penceraian yang didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh Mac 2020 sehingga Oktober 2021 adalah sebanyak 18,463 kes keseluruhannya. Perincian mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	TAHUN PERMOHONAN CERAI		JUMLAH
	Mac – Dis 2020	Jan – Okt 2021	
Johor	1,442	1,682	3,124
Kedah	267	173	440
Kelantan	47	49	96
Melaka	221	221	442
Negeri Sembilan	389	350	739
Pahang	206	187	393
Pulau Pinang	853	827	1,680
Perak	803	848	1,651
Perlis	20	25	45
Selangor	1,551	1,906	3,457
Terengganu	11	24	35
Sabah	290	376	666
Sarawak	1,069	983	2,052
WP Kuala Lumpur	1,209	2,358	3,567
Lain-Lain	43	33	76
JUMLAH	8,421	10,042	18,463

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan pengetahuan rakyat menerusi program pendidikan, pengetahuan dan kemahiran serta khidmat sokongan kekeluargaan.

- (i) Kursus pra perkahwinan SMARTSTART adalah salah satu program pengukuhan institusi keluarga khusus kepada pasangan yang bakal berkahwin dan mereka yang telah mendirikan rumah tangga dalam tempoh lima (5) tahun. Kursus yang dilaksanakan dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan agama, mulai tahun 2011 hingga Ogos 2021, telah mencatatkan sebanyak 697 program yang memanfaatkan seramai 28,083 peserta. Kursus ini bermatlamat untuk memberi pengetahuan dan kemahiran

kepada peserta tentang persediaan ke arah perkahwinan. Hasil daripada kursus ini dapat membantu pasangan membentuk keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan.

- (ii) Program SMARTSTART 2nd Honeymoon pula dilihat adalah salah satu usaha untuk memperkasakan perkahwinan dan membantu mengurangkan peningkatan kadar penceraian di Malaysia. Program ini disasarkan kepada pasangan dengan usia perkahwinan lima tahun dan bertujuan untuk menyemarakkan semula rasa cinta antara pasangan suami isteri agar hubungan perkahwinan dapat dimantapkan dan disuburkan seperti tahun pertama mereka membina mahligai cinta. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama badan bukan kerajaan dan badan agama.
- (iii) Sebagai penambahbaikan kepada modul SMARTSTART sedia ada, pada tahun 2022 akan diperkenalkan modul SMARTSTART 2.0 yang terbahagi kepada 3 fasa atau peringkat perkahwinan iaitu:
 - (1) Fasa Pra Perkahwinan (sebelum berkahwin) bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada peserta tentang persediaan ke arah perkahwinan;
 - (2) Fasa Romantika (usia perkahwinan 1-2 tahun) bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran ke arah memahami pasangan serta merancang masa depan keluarga; dan
 - (3) Fasa 2nd Honeymoon (usia perkahwinan 3-5 tahun) bertujuan memberi kemahiran pengurusan keluarga dan menyemarak kemesraan pasangan.

Urusan prosiding perceraian bukan Islam adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Malaysia. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya bertanggungjawab mengemaskini suatu rekod perkahwinan di dalam sistem JPN melalui sesuatu dikri perceraian atau pembatalan perkahwinan bagi pasangan bukan beragama Islam setelah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Malaysia.

SOALAN NO. : 68

Walau bagaimanapun, JPN mengadakan sesi prosiding tribunal jika salah seorang dari pasangan tersebut enggan bercerai. Prosiding tribunal tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan sebelum sesuatu perakuan dikeluarkan. Kementerian melalui LPPKN turut mengambil langkah proaktif membantu pihak JPN menangani kes perceraian dalam kalangan pasangan bukan Islam yang melibatkan 10 kaunselor LPPKN sebagai ahli tribunal perkahwinan di seluruh Malaysia.

Kementerian turut memastikan bahawa perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan kekeluarga diteruskan dan diperluaskan melalui pendekatan bersemuka, tele-kaunseling dan e-kaunseling. Kementerian melalui LPPKN telah mewujudkan talian bebas tol 1-800-820-300 yang bertujuan untuk memberi khidmat kaunseling secara virtual bagi membantu pasangan yang mempunyai masalah dalam perkahwinan. Bagi tempoh September hingga November 2021, sebanyak 1,584 kes telah diterima.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN MESYUARAT KEDUA
DEWAN NEGARA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING

SOALAN

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes bunuh diri mengikut negeri yang berlaku dari Mac 2020 sehingga Oktober 2021, dan apakah cadangan penyelesaian bagi mengurangkan kes bunuh diri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, isu berkaitan dengan masalah bunuh diri adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Mengikut statistik dari KDN, kes bunuh diri seluruh negara bagi **Mac 2020 hingga Disember 2020** adalah **518** kes yang mana negeri Johor mencatat kes paling tinggi iaitu 83 kes. Bagi tempoh **Januari 2021 sehingga Oktober 2021**, jumlah kes bunuh diri bagi seluruh negara adalah **942** kes dengan negeri Selangor mencatat kes paling tinggi iaitu 238 kes. Jumlah keseluruhan kes bunuh diri dari **Mac 2020 sehingga Oktober 2021** bagi seluruh negara ialah **1,460**.

KKM telah melaksanakan usaha-usaha pencegahan masalah kesihatan mental masyarakat bagi memastikan peningkatan kesejahteraan kesihatan mental dan mengurangkan kejadian bunuh diri. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- membangunkan Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental (2020-2025) yang mana salah satu daripada lapan strategi yang digariskan adalah menangani tingkah laku bunuh diri. Pelan ini juga memfokuskan kepada kolaborasi antara agensi kerajaan, swasta dan NGOs dalam pelaksanaan inisiatif kesihatan mental, meningkatkan akses kepada perkhidmatan, dan kesiapsagaan kesihatan mental dalam menghadapi krisis dan bencana;
- mewujudkan Talian Bantuan Sokongan Psikososial secara strategik bersama agensi kerajaan dan NGOs bagi meningkatkan akses terhadap liputan perkhidmatan kesihatan mental;
- perluasan perkhidmatan kesihatan mental di peringkat primer dengan pertambahan pegawai psikologi kaunseling kontrak yang ditempatkan di daerah dan klinik kesihatan;

- melaksanakan advokasi Kesihatan Mental kepada masyarakat melalui kempen kesedaran kesihatan mental *Let's TALK Minda Sihat* secara bersepadu merentas agensi;
- perluasan aktiviti pengesanan awal melalui saringan di klinik kesihatan bagi mengenal pasti individu berisiko masalah kesihatan mental, pelaksanaan intervensi dan rujukan untuk rawatan selanjutnya. Perkhidmatan ini disediakan di 1,161 buah klinik kesihatan di peringkat kesihatan primer dan 28 buah Pusat Komuniti Kesihatan Mental (MENTARI). Selain itu, sebanyak 60 buah hospital turut menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental; dan
- mewujudkan modul latihan pencegahan bunuh diri bagi meningkatkan pembangunan kapasiti dari segi kemahiran pengendalian tingkah laku bunuh diri.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi-agensi di bawahnya telah mengambil beberapa inisiatif dalam melaksanakan pelbagai program sokongan psikososial bagi membantu masyarakat menangani masalah tekanan mental termasuk yang berkecenderungan untuk cubaan bunuh diri. KPWKM memandang serius terhadap krisis jiwa dan mental yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat memandangkan kemahiran daya tindak yang rendah, dan kurang sokongan psikososial juga antara faktor yang menyumbang kepada perlakuan membunuh diri. Justeru, sokongan psiko-sosial adalah antara mekanisme untuk mengurangkan kadar tekanan yang dihadapi oleh mereka yang terkesan secara langsung. Antara program yang dilaksanakan oleh agensi di bawah KPWKM untuk membantu mereka yang mengalami masalah psikologi atau emosi adalah seperti:

- Khidmat Aduan Atas Talian melalui Talian Kasih 15999 atau aplikasi WhatsApp di nombor 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari yang mana talian ini berfungsi sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan bantuan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-

kanak, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian;

- **Lembaga Kaunselor** menyediakan Khidmat Sokongan Psikologi Atas Talian bagi membantu masyarakat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan. Talian Khas ini melibatkan seramai 250 orang sukarelawan kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia;
- Mendaftarkan Sukarelawan Kaunselor Berdaftar bagi membantu masyarakat dalam menangani isu psikososial. Sukarelawan Kaunselor Berdaftar ini merupakan satu entiti formal di bawah KPWKM dalam usaha membantu masyarakat dan menyediakan bantuan profesional kepada masyarakat yang memerlukan. Selain membantu melaksanakan aktiviti seperti Talian Kasih 15999 Khas COVID-19, Sukarelawan Kaunselor Berdaftar juga menyediakan khidmat psikososial di peringkat komuniti dan bantuan psikologi semasa berlakunya bencana untuk melaksanakan sokongan bantu mula psikologi (*Psychological First Aid*) kepada mangsa dan waris yang terkesan;
- Bagi perancangan jangka panjang, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di bawah Yayasan Kebajikan Negara telah diwujudkan untuk memperluaskan khidmat psikososial setempat;
- Bahagian Psikologi dan Kaunseling **Jabatan Kebajikan Masyarakat** menjalankan program-program kesedaran secara atas talian kepada warga kerja dan komuniti setempat mengenai penjagaan kesihatan mental yang optimum dapat menangani tingkah laku bunuh diri. Program ini adalah inisiatif jabatan bagi persediaan untuk mendepani krisis dan trauma;
- Melaksanakan intervensi psikologi dan kaunseling kepada semua kumpulan sasar. Perkhidmatan ini disediakan secara bersemuka dan juga atas talian melalui Talian Psikososial yang disediakan di seluruh Malaysia;

- Melaksanakan saringan awal kepada kakitangan jabatan dan komuniti melalui ujian psikologi *Depression Anxiety Stress Scale 21*(DASS21) secara menyeluruh apabila menerima rujukan atau yang datang secara sukarela;
- Perluasan advokasi kepada komuniti melalui aktiviti dan program penjagaan mental secara atas talian bagi menyediakan komuniti dengan langkah-langkah yang perlu dilakukan sekiranya berhadapan dengan situasi sedemikian. Menyebarluaskan perkhidmatan psikologi dan kaunseling boleh didapati di 105 pejabat kebajikan masyarakat di daerah, jajahan, bahagian dan negeri dengan kapasiti pegawai psikologi seramai 191 orang;
- **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)** menyediakan perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan kaunseling keluarga melalui Unit Kaunseling dan Intervensi Keluarga. Pada tahun ini, sehingga Oktober 2021, sebanyak 2,565 sesi telah dijalankan dan perkhidmatan ini telah memberikan manfaat kepada 11,975 klien;
- Program *Tol Free Helpline FamilyCare* @ LPPKN yang merupakan perkhidmatan kaunseling secara dalam talian. Klien boleh mendapatkan perkhidmatan Tele-Kaunseling dan E-Kaunseling melalui *Tol Free Hepline FamilyCare@LPPKN* 1-800-82-0300. Kemudahan *Toll Free* ini sebagai alternatif kepada kaedah kaunseling secara fizikal sedia ada yang dikendalikan oleh 18 kaunselor LPPKN berikut daripada arahan PKP yang dikeluarkan. Talian beroperasi secara rasmi pada 24 September 2021. Waktu operasi adalah mulai jam 9 pagi hingga 5 petang pada hari Ahad hingga Jumaat. Sehingga 9 Disember 2021, seramai 1,740 klien telah menerima manfaat dari perkhidmatan ini;
- Bantuan sokongan sosial yang dilaksanakan melalui penubuhan Sukarelawan Skuad Waja oleh **Jabatan Pembangunan Wanita** (JPW)dalam melaksanakan aktiviti psikososial dalam komuniti yang meliputi bimbingan, nasihat dan rujukan kepada pihak-pihak berkaitan;

- Penubuhan Sukarelawan Skuad Waja adalah bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti khususnya wanita bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah. Objektif Skuad Waja:
 - Menjadi agen dalam usaha menangani keganasan terhadap wanita dalam komuniti;
 - Memperkasa komuniti melalui program sokongan sosial yang merangkumi aspek keseimbangan, kewangan, kemahiran dan kepimpinan;
 - Membantu dalam membina sebuah masyarakat yang saling bantu membantu dan meningkatkan keharmonian; dan
- Keahlian Skuad Waja pada tahun ini bermula Januari hingga 30 November 2021, seramai 100,202 ahli Skuad Waja telah dilatih (Lelaki: 6,907 dan Perempuan: 93,295).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

SOALAN

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah pelatih (graduan) yang telah dihasilkan oleh Pusat Latihan Perindustrian Bangi (PLPP) sejak penubuhan serta usaha Kementerian dalam memperkasakan pusat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat latihan ini merupakan sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memberikan perkhidmatan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) melalui latihan vokasional dan pemulihan. PLPP telah beroperasi sepenuhnya dan mengambil pelajar pertama pada tahun 1999. Institusi ini boleh menampung sehingga 300 orang pelajar dalam satu masa.

Pusat ini ditubuhkan bertujuan untuk memberi latihan vokasional dan pemulihan kepada OKU keutamaannya kategori fizikal. Latihan vokasional yang terdapat di PLPP terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Kursus Vokasional dan Kursus Pra-Vokasional. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

a. Kursus Vokasional:

- i. Kursus Pengurusan Pejabat (SKM Tahap 2);
- ii. Kursus Pembuatan Pakaian Wanita (SKM Tahap 1);
- iii. Kursus Pemasangan Elektrik;
- iv. Kursus Fabrikasi Logam; dan
- v. Kursus Prostetik dan Ortotik.

b. Kursus Pra-Vokasional:

- i. Kursus Seni Lukis; dan
- ii. Kursus Teknologi Batik;

PLPP telah melahirkan seramai 2,220 graduan OKU sejak ditubuhkan. Pada tahun ini PLPP menangguhkan semua kursus kecuali yang melibatkan Persijilan Kemahiran Malaysia. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19, tahun ini hanya seramai 27 OKU yang berjaya menamatkan pengajian. Bagi pelajar yang tertangguh pula sesi pembelajaran akan bermula pada Januari 2022.

Pada tahun 2020, PLPP mengambil inisiatif untuk menubuhkan Persatuan Alumni PLPP Bangi sebagai platform rasmi untuk mengumpul dan menyatukan bekas-bekas pelajar bagi tujuan kebajikan, pembangunan kendiri dan sumber inspirasi kepada pelajar baharu. Persatuan Alumni PLPP Bangi telah berjaya didaftarkan pada 15 April 2021 dengan keahlian seramai 212 orang. Pihak PLPP masih berusaha menjelaki bekas pelajar melalui medium elektronik bagi tujuan pendaftaran.

PLPP juga dilihat sebagai platform pembangunan Sukan Para dan telah melahirkan ramai atlet yang mewakili Malaysia ke peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa seperti atlet Badminton Berkerusi Roda (Mazlan Bin Saibon), atlet Angkat Berat (Mohd Shamil Bin Saad dan atlet Tenis Berkerusi Roda (Mohd Shafiq Bin Mohd Jamil).

PLPP sedang dalam ‘reengineering’ ke arah pelaksanaan kursus-kursus dan latihan sejajar dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 kepada OKU. Jangkaan pelaksanaan ini bermula bulan Julai 2022.

PLPP juga menyusun dan menawarkan latihan berkaitan keusahawanan kepada pelajar-pelajar OKU serta komuniti dengan mewujudkan Bahagian Keusahawanan. Selari dengan tujuan tersebut, PLPP menjalankan kerjasama erat bersama pemain industri, institut keusahawanan dan pihak-pihak berkepentingan.

PLPP juga membuka ruang dan peluang kepada beberapa kategori OKU untuk mengikuti kursus dan latihan di PLPP bermula sesi kemasukan pelajar baharu tahun 2022 seperti kategori Penglihatan (rabun –B3), pendengaran (pekad dan bisu) dan pertuturan. Inisiatif ini bertujuan untuk memberi peluang kepada OKU untuk memperkasakan kemahiran diri agar mampu berdaya saing dan kemahiran yang diperolehi menepati dengan keperluan pasaran kerja.

Untuk terus berdaya saing dan relevan, PLPP akan menawarkan kursus-kursus jangka pendek di masa akan datang. Ini bagi memberi peluang kepada lebih ramai OKU mengikuti kursus-kursus yang memenuhi pasaran pekerjaan dalam industri setelah menamatkan kursus kelak.

SOALAN NO. : 94

Kursus-kursus ini memberi peluang kepada OKU untuk membina perniagaan sendiri dengan kemahiran yang mereka peroleh. OKU akan dibekalkan kemahiran keusahawanan untuk memulakan perniagaan dan bersaing di pasaran luar.

Sekian, terima kasih.